

08/07/2003

Hamid Pawanteh angkat sumpah jawatan Yang di-Pertua

BEKAS Menteri Besar Perlis, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh, semalam mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, menggantikan Tan Sri Michael Chen, yang tamat tempoh perkhidmatan April lalu.

Usul pelantikan Dr Abdul Hamid, 59, dibawa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, di hadapan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Abdul Gapar Gurrohu.

Usul itu disokong Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk M Kayveas, dan dipersetujui semua anggota Dewan Negara lain.

Dalam ucapannya, Dr Abdul Hamid, menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan

Agong, serta berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di atas pelantikan beliau.

Beliau yang pernah berkhidmat sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat daripada 1984 sehingga 1986 berikrar akan melaksanakan tugas barunya itu dengan adil dan saksama.

"Saya harap ahli Dewan Negara akan memberi kerjasama supaya kita sama-sama dapat menunaikan tanggungjawab dengan adil dan saksama," katanya yang berkelulusan kedoktoran dari Karachi.

Dr Abdul Hamid yang juga Ahli Parlimen Kangar, melepaskan kerusinya itu minggu lalu. Beliau pertama kali menjadi wakil rakyat apabila memenangi kerusi Parlimen Arau pada pilihan raya umum 1982.

Pada pilihan raya umum 1986, beliau memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Kota Raja dan dilantik sebagai Menteri Besar sehingga bersara pada April 1995.

Empat tahun kemudian, beliau kembali aktif dalam politik dan memenangi kerusi Parlimen Kangar pada pilihan raya umum 1999.

Pada sidang media kemudian, Dr Abdul Hamid menyifatkan pelantikan beliau sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara satu tanggungjawab berat yang perlu dilaksanakan sebaik mungkin.

"Saya amat terharu dan melihat ini sebagai tanggungjawab berat, lebih-lebih lagi apabila kerajaan Barisan Nasional terpaksa melepaskan satu kerusi Parlimen dan menggunakan kuota pelantikan Senator," katanya.

Mengenai mutu perbahasan di Dewan Negara, beliau berkata ia sebenarnya lebih baik daripada perbahasan di Dewan Rakyat yang lebih bersifat politik.

"Saya lihat perkara yang disentuh Senator dalam perbahasan adalah lebih berisi, tidak seperti di Dewan Rakyat yang selalu dipotong dengan soal politik," katanya.

Dr Abdul Hamid juga menyifatkan tanggapan bahawa Dewan Negara hanyalah "rubber stamp" sebagai tidak wajar kerana ia adalah tunjang legislatif negara.

Katanya, kurangnya publisiti media menyebabkan rakyat lupa kedudukan sebenar Dewan Negara.

"Kalau laporan persidangan Dewan Negara disiarkan di muka depan akhbar, saya yakin ramai Menteri akan hadir. Jika tidak, Setiausaha Parlimen pun rasa tak mahu datang," katanya.